

21 JAN 2002

Mahathir-Tiba (Bergambar)

DR MAHATHIR RASMI PROJEK SAMBUNGAN REL KTMB

JOHOR BAHRU, 21 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di Stesen Keretapi Gelang Patah pagi ini untuk lawatan kerja separuh hari ke Johor.

Perdana Menteri mempunyai aturcara yang padat bermula dengan perasmian Projek Sambungan Rel Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) ke Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) dan kemudiannya menaiki tren khas untuk ke pelabuhan itu.

Perdana Menteri diiringi isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman dalam majlis perasmian itu.

Projek Sambungan Rel KTMB ke pelabuhan itu di bawah perancangan dan pelaksanaan Kementerian Pengangkutan bernilai RM460 juta. Sambungan rel sepanjang 31.5 km dari laluan utama keretapi antara Kulai dan Kempas telah disiapkan oleh IRCON International Ltd dari India pada 13 Jan tahun ini.

Projek rel ini berkait rapat dengan pembinaan terminal transit pengangkutan kontena ke Pelabuhan Tanjung Pelepas, menurut satu kenyataan KTMB.

Setibanya di Pelabuhan Tanjung Pelepas, Dr Mahathir dijadual melakukan upacara perasmian projek itu.

Di Wisma PTP kemudiannya Dr Mahathir akan menyaksikan acara menandatangani empat memorandum persefahaman termasuk perjanjian pelaksanaan projek antara Tenaga Nasional Bhd (TNB) dengan SKS Ventures Sdn Bhd.

Perjanjian lain ialah antara Kerajaan Negeri Johor dan Seaport Terminal (Johore) Sdn Bhd, antara Seaport dengan Petronas, dan antara Seaport Senai dan Hochtief, menurut satu kenyataan TNB.

Dari PTP Dr Mahathir dijadualkan bertolak ke Johor Baharu untuk mendengar taklimat di Pejabat Syarikat Gerbang Perdana mengenai satu projek pembangunan lain. Perdana Menteri dijadual pulang ke Kuala Lumpur pada pukul 3.15 petang.

-- BERNAMA

MNY PR